



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Ion Ekonomi Ekskusif 1984

DR.30/1984

**RANG UNDANG-UNDANG ZON EKONOMI
EKSKLUSIF 1984**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

ZON EKONOMI EKSKLUSIF

3. Zon ekonomi eksklusif Malaysia.
4. Hak-hak kedaulatan dalam, dan bidang kuasa ke atas, zon ekonomi eksklusif.
5. Larangan aktiviti-aktiviti dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua kecuali di mana diberi kuasa.

BAHAGIAN III

PERIKANAN

6. Laut-laut dalam zon menjadi sebahagian daripada perairan perikanan Malaysia.
7. Menteri bertanggungjawab mengenai perikanan dalam zon.
8. Undang-undang bertulis berhubung dengan perikanan terpakai dalam zon dan pelantar benua.

BAHAGIAN IV

**PERLINDUNGAN DAN PEMELIHARAAN ALAM,
SEKITAR LAUT**

9. Hak kedaulatan Malaysia untuk mengeksploit sumber alamnya.
10. Kesalahan berkenaan dengan melepaskan atau terlepas bahan-bahan tertentu.
11. Pembelaan terhadap pertuduhan di bawah seksyen 10.

Fasal

12. Kehendak bagi melepaskan atau dilepaskan bahan-bahan tertentu hendaklah dilaporkan.
13. Langkah-langkah berhubungan dengan bencana laut.
14. Arahan-arahan dan tindakan untuk memindahkan, menyelerakkan, memusnahkan atau memperbaiki kerosakan.
15. Kuasa untuk menahan dan menjual vesel.

BAHAGIAN V

PENYELIDIKAN SAINTIFIK LAUT

16. Persetujuan Kerajaan dikehendaki bagi menjalankan penyelidikan saintifik laut.
17. Hak untuk enggan memberi persetujuan.
18. Kewajipan untuk membekalkan maklumat.
19. Kewajipan mematuhi syarat-syarat tertentu.
20. Penggantungan atau pemberhentian sementara aktiviti-aktiviti penyelidikan laut.

BAHAGIAN VI

PULAU-PULAU BUATAN, PEPASANGAN DAN STRUKTUR-STRUKTUR

21. Larangan ke atas pembinaan, pengendalian atau penggunaan pulau-pulau buatan dll. melainkan dengan kuasa.

BAHAGIAN VII

KABEL-KABEL KAPAL SELAM DAN SALURAN PAIP

22. Persetujuan Kerajaan perlu bagi memasang kabel-kabel kapal selam dan saluran paip.
23. Kewajipan pemunya kabel kapal selam atau saluran paip.

BAHAGIAN VIII

PENGUATKUASAAN

24. Kuasa-kuasa pegawai berkuasa.
25. Kejar buru.
26. Bagaimana orang yang ditangkap diuruskan.
27. Bagaimana vesel yang ditahan diuruskan.
28. Menghalang pegawai berkuasa, dll.

BAHAGIAN IX

KESALAHAN, PENALTI, PROSIDING
UNDANG-UNDANG DAN PAMPASAN

Fasal

29. Penalti am.
30. Kesalahan-kesalahan oleh syarikat, perkongsian, dll.
31. Nakhoda bertanggung bagi kesalahan yang dilakukan dalam veselnya.
32. Penahanan dan melucuthak vesel, dll.
33. Kuasa mahkamah memerintah untuk melucuthak.
34. Pelupusan artikel, vesel atau benda-benda yang diperintah supaya dilucuthak.
35. Mahkamah boleh memerintahkan dilucuthak vesel yang disita dalam hal keadaan tertentu.
36. Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Kelas Satu mempunyai bidang kuasa dan kuasa penuh di bawah Akta atau undang-undang bertulis yang terpakai.
37. Anggapan mengenai peta, pelan atau carta yang dibuat dengan kuasa Kerajaan.
38. Pendakwaan terhadap kesalahan.
39. Yang di-Pertuan Agong boleh melantik orang-orang lain menjadi pegawai berkuasa.
40. Kerosakan disebabkan kepada mana-mana orang atau harta atau alam sekitar dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua.

BAHAGIAN X

PELBAGAI

41. Kuasa membuat peraturan.
42. Undang-undang bertulis hendaklah terpakai dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua atau kedua-dua dengan perintah.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta berhubungan dengan zon ekonomi eksklusif dan aspek-aspek tertentu mengenai pelantar benua Malaysia dan bagi membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan aktiviti-aktiviti dalam zon dan pelantar benua dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dan hendaklah terpakai kepada zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua Malaysia.

Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat-kuasa.

(2) Peruntukan-peruntukan Akta ini berhubungan dengan pelantar benua adalah sebagai tambahan kepada, dan bukan untuk mengurangkan, peruntukan-peruntukan Akta Pelantar Benua 1966.

Akta 83.

(3) Jika sekiranya berlaku apa-apa percanggahan atau ketakkonsistenan di antara peruntukan-peruntukan Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah menggantikan peruntukan-peruntukan yang bercanggah atau tak konsisten undang-undang bertulis yang terpakai itu dan peruntukan-peruntukan yang terkemudian itu hendaklah ditafsirkan sebagai digantikan sedemikian.

(4) Peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai yang tidak bercanggah atau berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah sebaliknya terus terpakai.

(5) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan berlainan Akta ini dalam kawasan-kawasan berlainan zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua.

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ini” termasuk peraturan-peraturan dan lain-lain perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini dan apa-apa jua yang dibuat di bawah Akta ini atau di bawah peraturan-peraturan atau lain-lain perundangan subsidiari tersebut;

“buangan” termasuk—

- (a) apa-apa bahan, sama ada cecair, pepejal, gas, atau radioaktif, yang dilepaskan, dikeluarkan, diletakkan atau dibuang dalam alam sekitar laut mengikut isipadu, komposisi atau cara hingga menyebabkan perubahan kepada alam sekitar; atau
- (b) apa-apa bahan yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab mengenai alam sekitar melalui perintah dalam *Warta* sebagai buangan bagi maksud-maksud Akta ini;

“campuran berminyak” ertinya—

- (a) suatu campuran dengan kandungan minyak sebanyak seratus bahagian atau lebih dalam sejuta bahagian campuran; atau
- (b) suatu campuran dengan kandungan minyak tersebut sebagaimana ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab mengenai alam sekitar melalui perintah dalam *Warta* sebagai suatu campuran berminyak bagi maksud-maksud Akta ini;

“kemalangan laut” ertinya suatu pelanggaran vesel, terkandas atas peristiwa-peristiwa navigasi lain, atau kejadian lain atas vesel atau di luarnya yang menyebabkan kerosakan material atau ancaman yang akan berlaku terhadap kerosakan material kepada vesel atau kargo;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Malaysia dan termasuk mana-mana Menteri yang dipertanggungjawabkan melalui perintah yang dibuat di bawah Akta Tugas-Tugas Menteri 1969 bagi perkara yang berhubungan dengannya sebutan kepada Kerajaan ada dibuat dalam Akta ini, dan mana-mana Menteri lain yang menjalankan sementara tugas-tugas Menteri tersebut;

Akta 2.

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Alam Sekitar sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;

Akta 127.

“laut wilayah” ertinya perairan wilayah Malaysia yang ditetapkan menurut Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu), No. 7 tahun 1969;

P.U. (A)
307A/69.

“minyak” ertinya—

(a) minyak mentah, minyak disel, minyak bahan-
api atau minyak pelincir; atau

(b) apa-apa perihalan lain mengenai minyak yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggung-jawab mengenai alam sekitar melalui perintah dalam *Warta* sebagai minyak bagi maksud-maksud Akta ini;

“nakhoda”, berhubungan dengan sesuatu vesel, termasuklah tiap-tiap orang (kecuali malim atau pegawai pelabuhan sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Ordinan Perkapalan Dagang 1952) yang pada masa itu memerintah atau menjaga vesel itu, atau bertindak dengan sah di sisi undang-undang sebagai nakhodanya;

Ord. 70/52.

“Negeri” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepada ungkapan itu di bawah undang-undang antarabangsa;

“pegawai berkuasa” ertinya mana-mana pegawai perikanan sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Perikanan 1963, mana-mana pegawai pelabuhan sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Ordinan

Akta 210.
Ord. 70/52.

Akta 41/67. Perkapalan Dagang 1952, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Polis 1967, mana-mana pegawai kastam sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967, mana-mana pegawai angkatan tentera sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Angkatan Tentera 1972, mana-mana pegawai awam, tidak kira pangkat yang memerintah sesuatu vesel kepunyaan Kerajaan atau mana-mana orang atau golongan orang lain yang dilantik menjadi seorang pegawai berkuasa atau pegawai-pegawai berkuasa di bawah seksyen 39;

“pelantar benua” ertinya pelantar benua Malaysia sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Pelantar Benua 1966;

“pembuangan” ertinya—

- (a) membuang apa-apa buangan atau bahan lain dengan sengaja daripada vesel, pesawat udara, platform atau struktur lain buatan manusia di laut; atau
- (b) membuang vesel, pesawat udara atau struktur buatan manusia di laut,

tetapi “pembuangan” tidak termasuk—

- (i) membuang buangan atau bahan lain yang berkaitan dengan, atau berpunca daripada, penjalanan biasa vesel, pesawat udara, platform atau struktur lain buatan manusia di laut dan kelengkapan mereka, selain dari buangan atau bahan lain yang diangkut oleh atau ke vesel, pesawat udara, platform atau struktur lain buatan manusia di laut, yang dijalankan bagi maksud membuang bahan itu atau berpunca daripada pengolahan buangan itu atau bahan lain di atas vesel, pesawat udara, platform atau struktur tersebut; atau
- (ii) menempatkan bahan bagi suatu maksud selain dari cuma membuangkannya, dengan syarat bahawa penempatan demikian tidak berlawanan dengan tujuan-tujuan Akta ini, mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai atau undang-undang antarabangsa;

“pemunya”, berhubungan dengan sesuatu vesel, ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak, yang olehnya vesel itu dipunyai dan termasuk mana-mana pencatar, pencatar kecil, penerima pajak, penerima pajak kecil vesel itu;

“pencemar” ertinya apa-apa bahan yang, jika dimasukkan ke dalam laut, mungkin membahayakan kesihatan manusia atau membahayakan sumber-sumber kehidupan dalam laut atau hidupan laut yang lain, atau merosakkan kemudahan-kemudahan atau mengganggu kegunaan-kegunaan laut lain yang sah dan, tanpa menghadkan keluasan yang terdahulu termasuk apa-apa bahan yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab mengenai alam sekitar melalui perintah, dalam *Warta* sebagai pencemar bagi maksud-maksud Akta ini;

“perairan perikanan Malaysia” ertinya keseluruhan perairan yang mengandungi perairan dalaman, laut wilayah dan zon ekonomi eksklusif Malaysia yang baginya Malaysia menjalankan hak-hak kedaulatan dan eksklusif perikanan;

“undang-undang bertulis yang terpakai” ertinya mana-mana undang-undang bertulis—

(a) yang diperuntukkan yang terpakai berkenaan dengan zon ekonomi eksklusif, pelantar benua atau kedua-dua, mengikut mana yang berkenaan, melalui perintah yang dibuat di bawah seksyen 42 atau selainnya diperuntukkan dengan khususnya sebagai dipakai sedemikian; atau

(b) terpakai berkenaan pelantar benua di bawah peruntukan-peruntukan Akta Pelantar Benua 1966,

dan termasuk Akta Pelantar Benua 1966;

“vesel” termasuk tiap-tiap perihal kapal atau kapal terapung atau kapal selam atau struktur;

“zon ekonomi eksklusif” atau “zon” ertinya zon ekonomi eksklusif Malaysia yang ditetapkan mengikut seksyen 3.

BAHAGIAN II

ZON EKONOMI EKSKLUSIF

Zon
ekonomi
eksklusif
Malaysia.

3. (1) Zon ekonomi eksklusif Malaysia, sebagaimana diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut P.U. (A) 115/80, ialah suatu kawasan yang melampaui dan berdampingan dengan laut wilayah Malaysia dan, tertakluk kepada subseksyen (2) dan (4), meluas sehingga sejauh dua ratus batu nautika daripada garisan asas yang darinya lebar lautan wilayah itu diukur.

(2) Di mana ada suatu perjanjian berkuatkuasa atas perkara itu di antara Malaysia dan suatu Negeri dengan pantai yang bertentangan atau berdampingan, soal-soal yang berhubungan dengan persempadanan zon ekonomi eksklusif hendaklah ditetapkan mengikut peruntukan-peruntukan perjanjian itu.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh menyebabkan had-had zon ekonomi eksklusif disiarkan dalam peta atau carta dari semasa ke semasa.

(4) Di mana Yang di-Pertuan Agong menimbangkan perlu untuk berbuat demikian, dengan mengambil perhatian kepada undang-undang antarabangsa, amalan Negeri atau perjanjian yang disebutkan dalam subseksyen (2), dia boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengubah had-had zon ekonomi eksklusif yang ditetapkan mengikut subseksyen (1).

Hak-hak
kedaulatan
dalam, dan
bidang
kuasa ke
atas, zon
ekonomi
eksklusif.

4. Dalam zon ekonomi eksklusif, Malaysia mempunyai—

(a) hak-hak kedaulatan bagi maksud menjelajah dan mengeksploit, memelihara dan menguruskan sumber alam, sama ada hidupan atau bukan hidupan, dari dasar laut dan tanah bawah dan perairan superjansen, dan mengenai aktiviti-aktiviti lain bagi pengeksploitan ekonomi dan penjelajahan zon, seperti pengeluaran tenaga dari air, arus dan angin;

(b) bidang kuasa mengenai—

(i) penubuhan dan penggunaan pulau buatan, pepasangan dan struktur;

(ii) penyelidikan saintifik laut;

(iii) perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar laut; dan

(c) apa-apa hak dan kewajiban lain sebagaimana diperuntukkan oleh undang-undang antara-bangsa.

5. Kecuali jika dibenarkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, tiada seseorang pun boleh dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua—

- (a) menjelajah atau mengeksploit apa-apa sumber alam, sama ada hidupan atau bukan hidup;
- (b) menjalankan apa-apa kerja penyelidikan, penggalian atau penggerudian;
- (c) menjalankan apa-apa penyelidikan saintifik laut; atau
- (d) membina atau memberi kuasa dan mengawal-selia pembinaan, pengendalian dan penggunaan—
 - (i) mana-mana pulau buatan;
 - (ii) apa-apa pemasangan atau struktur bagi maksud-maksud yang diperuntukkan dalam seksyen 4 atau bagi apa-apa maksud ekonomi lain; atau
 - (iii) apa-apa pemasangan atau struktur yang mungkin mengganggu perjalanan hak-hak Malaysia dalam zon atau pelantar benua.

BAHAGIAN III

PERIKANAN

6. Laut-laut yang terkandung dalam zon ekonomi eksklusif hendaklah menjadi sebahagian daripada perairan perikanan Malaysia.

7. Menteri yang bertanggungjawab mengenai perikanan hendaklah juga bertanggungjawab mengenai perikanan dalam zon ekonomi eksklusif.

Larangan aktiviti-aktiviti dalam zon ekonomi eksklusif atau

pelantar benua kecuali di mana diberi kuasa.

Laut-laut dalam zon menjadi sebahagian daripada perairan perikanan Malaysia.

Menteri bertanggungjawab mengenai perikanan dalam zon.

Undang-undang bertulis berhubung dengan perikanan terpakai dalam zon dan pelantar benua.

8. Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan perikanan hendaklah terpakai dalam zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu atau pengecualian sebagaimana diperuntukkan dalam suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 42.

BAHAGIAN IV

PERLINDUNGAN DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR LAUT

Hak kedaulatan Malaysia untuk mengeksploit sumber alamnya.

9. Malaysia mempunyai hak kedaulatan untuk mengeksploit sumber alamnya dalam zon ekonomi eksklusif menurut dasar-dasar alam sekitarnya dan mengikut kewajipannya untuk melindungi dan memelihara alam sekitar laut dalam zon.

Kesalahan berkenaan dengan melepaskan atau terlepas bahan-bahan tertentu.

10. (1) Jika mana-mana minyak, campuran berminyak atau pencemar dilepaskan atau terlepas ke dalam zon ekonomi eksklusif dari mana-mana vesel, sumber yang bertempat atas tanah, pemasangan, alat atau pesawat udara, dari atau melalui udara atau melalui pembuangan—

- (a) pemunya atau nakhoda vesel itu, jika dilepaskan atau terlepas dari sesebuah vesel;
- (b) pemunya atau penghuni tempat atas tanah, jika dilepaskan atau terlepas dari tanah;
- (c) pemunya atau orang yang bertanggungjawab mengenai pemasangan atau alat, jika dilepaskan atau terlepas dari pemasangan atau alat; atau
- (d) pemunya atau juruterbang pesawat udara, jika dilepaskan atau terlepas dari pesawat udara,

adalah setiapnya melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu juta ringgit.

(2) Jika perbuatan atau ketinggalan seseorang selain dari mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) menyebabkan dilepaskan atau terlepas yang disebut dalam subseksyen itu, maka mana-mana orang lain itu adalah juga melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu juta ringgit.

(3) Subseksyen (2) tidaklah boleh berkuatkuasa sebagai membebaskan atau meringankan orang-orang yang disebut dalam subseksyen (1) daripada liabiliti mengenai suatu kesalahan di bawah subseksyen (1).

(4) Walau apa-apa pun peruntukan-peruntukan seksyen ini, membuang buangan atau bahan-bahan lain boleh dijalankan di bawah lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang boleh dikenakan.

11. Jika seseorang dipertuduhkan dengan suatu kesalahan di bawah seksyen 10, adalah menjadi suatu pembelaan untuk membuktikan bahawa bahan yang dilepaskan atau terlepas yang disebutkan dalam subseksyen (1) seksyen itu telah disebabkan bagi maksud menjaga keselamatan vesel, tempat atas tanah, pemasangan, alat atau pesawat udara yang berkenaan atau bagi maksud menyelamatkan nyawa tetapi suatu pembelaan di bawah seksyen ini tidaklah boleh berkuatkuasa jika mahkamah berpuas hati bahawa tidaklah perlu dilepaskan atau terlepasnya bahan bagi maksud yang dikatakan atau adalah bukan langkah yang munasabah untuk diambil dalam hal keadaan itu.

Pembelaan terhadap pertuduhan di bawah seksyen 10.

12. (1) Jika apa-apa minyak, campuran minyak atau pencemar dilepaskan atau terlepas dalam zon ekonomi eksklusif dari mana-mana vesel, sumber yang bertempat atas tanah, pemasangan, alat atau pesawat udara, pemunya atau nakhoda vesel, pemunya atau penghuni tempat atas tanah, pemunya atau orang yang bertanggungjawab mengenai pemasangan atau alat atau pemunya atau juruterbang pesawat udara, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah melaporkan kejadian pelepasan atau terlepasnya itu kepada Ketua Pengarah dengan serta-merta.

Kehendak bagi melepaskan atau dilepaskan bahan-bahan tertentu hendaklah dilaporkan.

(2) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

13. (1) Kerajaan boleh menetapkan langkah-langkah berhubungan dengan zon ekonomi eksklusif yang mana perlu bagi melindungi garis pantai Malaysia atau apa-apa bahagian atau unsur alam sekitar

Langkah-langkah berhubungan dengan bencana laut.

atau kepentingan-kepentingan yang berkaitan, termasuk penangkapan ikan, dari pencemaran atau ancaman pencemaran berikutan daripada bencana laut atau perbuatan-perbuatan yang berhubungan dengan bencana laut itu yang boleh dijangkakan dengan munasabahnyanya berlaku akibat-akibat merbahaya yang besar.

(2) Langkah-langkah yang disebutkan dalam subseksyen (1) hendaklah berkadaran dengan kerosakan sebenar atau yang diancam terhadap garis pantai atau bahagian atau unsur alam sekitar atau kepentingan-kepentingan yang berhubungan termasuk penangkapan ikan.

Arahan-
arahan dan
tindakan
untuk me-
mindahkan,
menyelerak-
kan, me-
musnahkan
atau mem-
perbaiki
kerosakan.

14. (1) Jika garis pantai Malaysia atau apa-apa bahagian atau unsur alam sekitar atau kepentingan-kepentingan yang berkaitan, termasuk penangkapan ikan dalam zon ekonomi eksklusif dirosakkan atau diancam untuk dirosakkan akibat daripada apa-apa bahan yang dilepaskan atau terlepas yang disebutkan dalam seksyen 10, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa arahan, atau mengambil apa-apa tindakan sebagaimana perlu untuk memindahkan, menyelerakkan, memusnahkan atau memperbaiki kerosakan atau ancaman kerosakan.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi apa-apa arahan yang diberi oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Pemunya dan nakhoda vesel, pemunya dan penghuni tempat atas tanah, pemunya dan orang yang bertanggungjawab mengenai pemasangan atau alat, atau pemunya dan juruterbang pesawat udara, mengikut mana yang berkenaan, dari mana bahan yang disebut dalam seksyen 10 telah dilepaskan atau terlepas adalah bertanggungjawab bersesama dan masing-masing bagi segala kos dan perbelanjaan yang dikenakan dalam menjalankan kesemua atau mana-mana kerja yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) untuk memindahkan, menyelerakkan, memusnahkan atau memperbaiki kerosakan atau ancaman berlakunya kerosakan, dan segala kos dan perbelanjaan hendaklah mula-mulanya di atas mana-mana harta atau kepentingan yang dipegang oleh orang tersebut.

(4) Jika perbuatan atau ketinggalan seseorang selain dari mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (3) menyebabkan dilepaskan atau terlepas itu, maka mana-mana orang lain itu adalah juga bertanggung bersesama dan masing-masing dengan orang-orang yang disebut dalam subseksyen itu atas segala kos dan perbelanjaan yang dikenakan dalam menjalankan kesemua atau mana-mana kerja yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) itu untuk memindahkan, menyelerakkan, memusnahkan atau memperbaiki kerosakan atau ancaman berlakunya kerosakan, dan segala kos dan perbelanjaan itu hendaklah menjadi gadaian pertama pada mana-mana harta atau kepentingan yang dipegang oleh orang lain itu.

15. (1) Ketua Pengarah boleh menahan mana-mana vesel pemasangan, daripada mana minyak, campuran berminyak atau pencemar yang terlepas atau dilepaskan dalam hal keadaan yang disebutkan dalam subseksyen (1) seksyen 14.

Kuasa untuk menahan dan menjual vesel.

(2) Ketua Pengarah boleh melepaskan mana-mana vesel yang ditahan di bawah subseksyen (1) apabila pemunya mendepositkan dengan Kerajaan apa-apa jumlah wang atau memberi sekuriti sebagaimana yang, pada pendapat Ketua Pengarah, adalah memadai bagi menampung segala kos dan perbelanjaan yang dikenakan dalam menjalankan kerja yang dikehendaki untuk memindahkan, menyelerakkan, memusnahkan atau memperbaiki kerosakan atau ancaman berlakunya kerosakan disebabkan oleh terlepasnya atau pelepasan tersebut.

(3) Jika mana-mana vesel yang telah ditahan meneruskan perjalanan ke laut tanpa dilepaskan di bawah subseksyen (2), pemunya atau nakhoda vesel atau mana-mana orang lain yang menyebabkan vesel itu meneruskan perjalanan ke laut adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu juta ringgit.

(4) Jika pemunya atau nakhoda mana-mana vesel atau mana-mana orang lain yang didapati melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini tidak dapat membayar denda atau kos dan perbelanjaan yang dikenakan dalam menjalankan kerja yang dikehendaki di bawah

subseksyen (1) seksyen 14, mahkamah boleh, atas permohonan Ketua Pengarah, memerintahkan penjualan vesel tersebut dan pemakaian hasil penjualan untuk membayar denda dan kos dan perbelanjaan yang dikenakan.

BAHAGIAN V

PENYELIDIKAN SAINTIFIK LAUT

Persetujuan Kerajaan dikehendaki bagi menjalankan penyelidikan saintifik laut.

16. (1) Tiada apa-apa penyelidikan saintifik laut boleh dijalankan dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua tanpa persetujuan nyata dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan.

(2) Tertakluk kepada seksyen 17, Kerajaan hendaklah memberi persetujuannya di mana penyelidikan saintifik laut akan dijalankan oleh mana-mana Negeri atau pertubuhan antarabangsa yang layak bagi maksud-maksud keamanan dan bagi menambahkan pengetahuan saintifik mengenai alam sekitar laut.

Hak untuk enggan memberi persetujuan.

17. Kerajaan boleh enggan memberi persetujuannya kepada mana-mana Negara atau pertubuhan antarabangsa yang layak bagi menjalankan projek penyelidikan saintifik laut dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar, benua jika ia mempunyai alasan bagi mempercayai bahawa projek itu—

- (a) bermakna secara langsung terhadap penjelajahan dan pengeksploitan sumber alam, sama ada hidupan atau bukan hidupan;
- (b) melibatkan penggerudian ke dalam pelantar benua, penggunaan bahan-bahan letupan atau memasukkan pencemar-pencemar ke alam sekitar laut;
- (c) melibatkan pembinaan, perjalanan atau penggunaan pulau-pulau buatan, pemasangan atau struktur;
- (d) mengandungi maklumat yang disampaikan menurut seksyen 18 mengenai jenis dan tujuan projek yang tidak tepat atau jika Negara penyelidik atau pertubuhan antarabangsa yang layak yang menyelidik mempunyai kewajipan-kewajipan belum ditunaikan kepada Malaysia daripada projek penyelidikan yang sebelumnya; atau

(e) boleh mengganggu aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Malaysia pada menjalankan hak-hak kedaulatan dan bidang kuasanya yang diperuntukkan di bawah Akta ini, mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai atau undang-undang antarabangsa.

18. Mana-mana Negara atau pertubuhan antarabangsa yang layak yang berniat untuk menjalankan penyelidikan saintifik laut dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua hendaklah, tidak kurang dari enam bulan terdahulu dari tarikh yang dijangkakan bermulanya projek penyelidikan saintifik laut, memberi kepada Kerajaan perihalan sepenuhnya mengenai—

Kewajipan untuk membekalkan maklumat.

- (a) jenis dan tujuan-tujuan projek;
- (b) cara dan benda-benda yang akan digunakan, termasuk nama, berat tan, jenis dan kelas vesel dan suatu perihalan peralatan saintifik;
- (c) kawasan yang tepat mengikut geografi dalam mana projek itu akan dijalankan;
- (d) tarikh yang dijangkakan mula datangnya dan perginya vesel-vesel penyelidikan, atau pertukaran alat-alat dan pengalihannya, sebagaimana berkenaan;
- (e) nama institusi yang menaja, pengarahnya dan orang yang bertanggungjawab mengenai projek itu; dan
- (f) setakat mana difikirkan yang Malaysia boleh mengambil bahagian atau diwakili dalam projek itu.

19. Tiap-tiap Negara atau pertubuhan antarabangsa yang layak yang menjalankan penyelidikan saintifik laut dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua hendaklah mematuhi syarat-syarat yang berikut:

Kewajipan mematuhi syarat-syarat tertentu.

- (a) memastikan hak Kerajaan, jika ia berkehendakan, untuk mengambil bahagian atau diwakili dalam projek penyelidikan saintifik laut, terutamanya atas vesel-vesel penyelidikan dan kapal-kapal lain atau pemasangan penyelidikan

saintifik, apabila praktik, tanpa pembayaran apa-apa saraan kepada saintis-saintis Malaysia dan tanpa obligasi membuat sumbangan terhadap kos-kos projek;

- (b) membekalkan Kerajaan dengan laporan-laporan permulaan, atas permintaannya, secepat yang dapat, dan keputusan-keputusan muktamad dan kesimpulan selepas tamatnya penyelidikan itu;
- (c) mengakujaji untuk mengadakan akses kepada Kerajaan, atas permintaannya, kepada semua data dan contoh-contoh daripada projek dan begitu juga untuk membekalkannya dengan data yang boleh ditiru dan contoh-contoh yang boleh dibahagi-bahagikan tanpa menjejaskan nilai saintifiknya;
- (d) jika diminta, membekalkan Kerajaan dengan nilai data tersebut, contoh dan keputusan penyelidikan atau memberikan bantuan dalam nilai atau tafsirannya;
- (e) memastikan, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Kerajaan, bahawa keputusan penyelidikan boleh didapati melalui saluran yang berkenaan atau saluran antarabangsa, secepat yang dapat;
- (f) memberitahu Kerajaan dengan serta-merta mengenai apa-apa perubahan besar dalam rancangan penyelidikan;
- (g) melainkan dipersetujui sebaliknya, mengalihkan pemasangan penyelidikan saintifik atau kelengkapan apabila tamat sahaja penyelidikan.

(2) Seksyen ini adalah tanpa menjejaskan syarat-syarat yang diadakan oleh Kerajaan bagi penjalanan budi bicaranya untuk memberi atau menahan persetujuan menurut seksyen 16 atau 17, mengikut mana yang berkenaan, termasuk menghendaki perjanjian terdahulu sebelum keputusan penyelidikan sesuatu projek yang berkepentingan secara langsung boleh didapati di peringkat antarabangsa bagi penjelajahan dan pengeksplotian sumber-sumber alam.

20. (1) Kerajaan boleh memerintahkan penggantungan mana-mana aktiviti penyelidikan saintifik laut yang sedang berjalan dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua jika—

Penggantungan atau pemberhentian sementara aktiviti penyelidikan saintifik laut.

(a) aktiviti-aktiviti penyelidikan tidak dijalankan menurut maklumat yang diperuntukkan di bawah seksyen 18 atas mana persetujuan Kerajaan didasarkan; atau

(b) Negara atau pertubuhan antarabangsa yang layak yang menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan gagal mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen 19.

(2) Kerajaan boleh memerintahkan pemberhentian apa-apa aktiviti penyelidikan saintifik—

(a) yang menyimpang daripada maklumat yang diperuntukkan di bawah seksyen 18 telah terjumlah kepada perubahan besar dalam projek penyelidikan atau aktiviti-aktiviti penyelidikan; atau

(b) yang jika mana-mana keadaan yang dijangkakan dalam subseksyen (1) tidak diperbaiki dalam tempoh masa yang munasabah, sebagaimana ditetapkan oleh Kerajaan.

(3) Berikutan pemberitahuan oleh Kerajaan mengenai perintah penggantungan atau pemberhentian, Negara atau pertubuhan antarabangsa yang layak hendaklah dengan serta-merta menamatkan kesemua atau mana-mana aktiviti penyelidikan saintifik laut yang tertakluk kepada pemberitahuan tersebut.

(4) Suatu perintah penggantungan di bawah subseksyen (1) boleh ditamatkan oleh Kerajaan dan aktiviti-aktiviti penyelidikan saintifik laut dibenarkan berterusan jika Negara penyelidikan atau pertubuhan antarabangsa yang layak mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki di bawah seksyen 18 dan 19 dalam tempoh masa yang munasabah, sebagaimana ditetapkan oleh Kerajaan.

BAHAGIAN VI

PULAU-PULAU, PEPASANGAN DAN STRUKTUR-STRUKTUR BUATAN

Larangan ke atas pembinaan, pengendalian atau penggunaan pulau-pulau buatan dll. melainkan dengan kuasa.

21. (1) Tiada seorang pun boleh membina, mengendali atau menggunakan mana-mana pulau, pemasangan atau struktur buatan dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua melainkan dengan kuasa Kerajaan dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan.

(2) Kerajaan hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif ke atas pulau-pulau buatan, pemasangan dan struktur-struktur dalam zon dan pelantar benua, termasuk bidang kuasa mengenai adat resam, fiskal, kesihatan, keselamatan dan undang-undang imigresen.

(3) Kerajaan boleh, apabila perlu, menubuhkan zon-zon keselamatan yang munasabah dikelilingi pulau-pulau buatan, pemasangan dan struktur-struktur yang mana langkah-langkah yang berkenaan bagi memastikan keselamatan kedua-dua navigasi dan mengenai pulau-pulau, pemasangan dan struktur-struktur buatan.

(4) Bidang zon keselamatan hendaklah ditetapkan oleh Kerajaan, dengan mengambil perhatian standard antarabangsa yang terpakai. Notis sewajarnya hendaklah diberi mengenai takat zon keselamatan.

(5) Semua vesel mesti menghormati zon-zon keselamatan ini dan hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang Kerajaan mungkin berikan mengikut standard antarabangsa yang diakui umum mengenai navigasi sekeliling pulau-pulau buatan, pemasangan, struktur-struktur dan zon-zon keselamatan.

BAHAGIAN VII

KABEL BAWAH TANAH DAN TALIAN PAIP

Persetujuan Kerajaan perlu bagi memasang kabel-kabel bawah tanah dan talian paip.

22. (1) Tiada seseorang pun boleh memasang kabel-kabel bawah tanah atau talian paip dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua tanpa persetujuan Kerajaan mengenai penandaan arah pemasangan kabel-kabel dan talian-talian paip tersebut.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), Kerajaan boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan perlu bagi memasang atau menyelenggara kabel-kabel dan talian-talian paip tersebut dalam

menjalankan hak-haknya untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi penjelajahan pelantar benua, pengeksploitan sumber alam dan pencegahan, pengurangan dan kawalan dari pencemaran kabel-kabel atau talian-talian paip tersebut.

23. Pemunya mana-mana kabel bawah tanah atau talian paip yang tidak digunakan lagi atau yang tidak dapat diperbaiki hendaklah dengan serta-merta memberitahu Kerajaan mengenainya dan hendaklah, jika diarahkan sedemikian oleh Kerajaan, memindahkan kabel atau talian paip tersebut dalam tempoh masa sebagaimana diarahkan oleh Kerajaan.

Kewajipan pemunya kabel bawah tanah atau talian paip.

BAHAGIAN VIII PENGUATKUASAAN

24. (1) Bagi maksud memastikan pematuhan peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, mana-mana pegawai berkuasa boleh, jika dia mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu, tanpa waran—

Kuasa-kuasa pegawai berkuasa.

(a) menahan, menaiki dan menggeledah mana-mana vesel dalam zon ekonomi eksklusif dan memeriksa apa-apa lesen, permit, rekod, perakuan atau apa-apa dokumen lain yang dikehendaki dibawa atas vesel tersebut di bawah Akta ini, atau undang-undang bertulis itu atau apa-apa kaedah dan standard antarabangsa yang diakui umum, dan membuat salinan-salinan daripadanya;

(b) membuat apa-apa penyiasatan selanjutnya dan pemeriksaan fizikal vesel, krunya, kelengkapan, alat perkakas, perabot, segala yang bersangkutan dengannya, storan dan kargo sebagaimana perlu bagi menentukan sama ada atau tidak suatu pelanggaran yang disyaki terhadap peruntukan-peruntukan Akta ini atau undang-undang bertulis itu telah dilakukan;

(c) memasuki dan menggeledah mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu akan atau telah dilakukan;

- (d) menangkap mana-mana orang yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu;
- (e) menahan apa-apa benda yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai telah digunakan dalam perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu;
- (f) menahan apa-apa vesel, termasuk kelengkapan, alat perkakas, perabot, segala yang bersangkutan dengannya, storan dan kargonya, yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai telah digunakan dalam perlakuan apa-apa kesalahan atau berhubungan dengan apa-apa kesalahan yang telah dilakukan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu.

(2) Suatu surat penerimaan hendaklah diberi bagi apa-apa benda, vesel atau barang yang ditahan di bawah subseksyen (1).

Kerja baru.

25. (1) Jika mana-mana pegawai berkuasa mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa suatu vesel asing telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, dia boleh mengejar buru vesel tersebut dengan tujuan menahan dan menangkapnya dan membawanya ke dalam zon ekonomi eksklusif mengikut undang-undang antarabangsa.

(2) Kuasa-kuasa yang diberi kepada pegawai berkuasa di bawah seksyen 24 bolehlah dijalankan menurut seksyen ini berkenaan dengan vesel tersebut melampaui had-had zon ekonomi eksklusif setakat yang dibenarkan oleh undang-undang antarabangsa.

(3) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya oleh apa-apa perjanjian serantau atau dwipihak yang mana Malaysia ialah satu pihak, hak kejar buru hendaklah terhenti sebaik sahaja vesel itu memasuki laut wilayah atau zon ekonomi eksklusif Negeranya sendiri atau mana-mana Negara ketiga.

Bagaimana orang yang ditangkap diuruskan.

26. (1) Seorang pegawai berkuasa yang membuat penangkapan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai hendaklah tanpa kelengahan yang tak sepatutnya membawa orang yang ditangkap itu ke hadapan seorang Majistret.

(2) Tiada seorang pun pegawai berkuasa boleh menyimpan dalam jagaan seseorang yang ditangkap bagi tempoh yang lebih lama daripada yang munasabah mengikut segala hal keadaan kes itu.

(3) Tempoh tersebut tidaklah boleh sekiranya tidak ada atau selepas habisnya tempoh perintah khas seorang Majistret di bawah seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah melebihi dua puluh empat jam, tidak termasuk masa yang diambil bagi perjalanan perlu dari tempat penangkapan ke Mahkamah Majistret.

*N.M.B.
Bab 6.*

27. Mana-mana vesel yang ditahan di bawah Bahagian dan krunya hendaklah dibawa ke pelabuhan yang terdekat atau yang senang terdapat dan diuruskan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai.

*Bagaimana
vesel yang
ditahan
diuruskan.*

28. Mana-mana orang yang—

*Menghalang
pegawai
berkuasa,
dll.*

(a) dengan sengaja menghalang mana-mana pegawai berkuasa dalam menjalankan mana-mana kuasa yang diberi kepadanya oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai;

(b) tidak mematuhi perintah atau kehendak seseorang yang berkaitan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu;

(c) tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau undang-undang bertulis itu yang mana hukuman tidak ada diperuntukkan baginya kerana kegagalan mematuhi dengannya itu,

adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IX

KESALAHAN-KESALAHAN, PENALTI, PROSIDING UNDANG-UNDANG DAN PAMPASAN

29. Mana-mana orang yang bersalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang mana hukuman tidak ada diperuntukkan baginya boleh dikenakan denda tidak melebihi satu juta ringgit.

Penalti am.

30. Jika mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai telah dilakukan oleh suatu syarikat, perkongsian, firma atau perniagaan, tiap-tiap pengarah dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang berkaitan secara langsung

*Kesalahan-
kesalahan
oleh
syarikat,
perkongsian,
dll.*

dengan aktiviti yang mengakibatkan perlakuan kesalahan, tiap-tiap anggota perkongsian dan tiap-tiap orang yang berkaitan dengan pengurusan firma atau perniagaan tersebut adalah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan dalam seksyen 29.

Nakhoda
bertang-
gungan bagi
kesalahan
yang di-
lakukan
dalam
veselnya.

31. Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai telah dilakukan oleh mana-mana orang atas suatu vesel, nakhoda vesel tersebut adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan dalam seksyen 29.

Penahanan
dan
melucuthak
vesel, dll.

32. (1) Mana-mana benda, vesel atau barang yang ditahan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai hendaklah, melainkan jika diperuntukkan selainnya di bawah Akta ini, ditahankan sementara menunggu keputusan mana-mana prosiding di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis tersebut:

Dengan syarat, bagaimanapun, bahawa seorang pegawai berkuasa atau mahkamah boleh melepaskan benda, vesel atau barang yang ditahan sedemikian setelah diberi suatu bon atau sekuriti-sekuriti lain dengan memuaskan hati pegawai berkuasa atau mahkamah oleh mana-mana orang yang menuntut keempunyaan, atau bertindak bagi pihak pemunya, benda, vesel atau barang supaya mengeluarkannya apabila dikehendaki berbuat demikian.

(2) Jika benda, vesel atau barang yang ditahan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, pegawai berkuasa yang menahan benda, vesel atau barang hendaklah, secepat yang dapat, memberi notis mengenainya secara bertulis kepada pemunya; dan jika pemunya tidak dijumpai, suatu notis yang bermaksud sedemikian hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan, jika benda, vesel atau barang itu ialah keempunyaan orang asing, pegawai berkuasa itu hendaklah menyebabkan wakil diplomat di Malaysia diberitahu mengenai bendera Negara vesel yang berkenaan atau mengenai negara pemunya benda atau barang itu ialah seorang rakyat melalui Kementerian yang bertanggungjawab mengenai hal-ehwal luar negeri.

(3) Jika pemunya benda, vesel atau barang tidak boleh dijumpai walaupun segala tindakan telah diambil di bawah subseksyen (2) dan oleh kerananya pemunya tidak boleh dijumpai prosiding di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai tidak dapat dimulakan, benda, vesel atau barang yang ditahan hendaklah dipegang selama satu bulan dari tarikh tindakan terakhir yang diambil di bawah subseksyen (2) yang pada akhir tempohnya benda, vesel atau barang itu hendaklah dilucuthak kepada Kerajaan melainkan suatu tuntutan diterima mengenainya dalam tempoh yang tersebut di atas dan dalam hal yang demikian suatu siasatan hendaklah diadakan oleh mahkamah yang berbidang kuasa kompeten untuk memutuskan kesahan tuntutan dan benda, vesel atau barang itu hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

33. Jika mana-mana orang didapati bersalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang boleh dikenakan, memerintahkan benda, vesel atau barang yang menjadi hal perkara, atau telah digunakan dalam perlakuan kesalahan dilucuthakkan dan apa-apa lesen atau permit yang dikeluarkan atau persetujuan yang diberi di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu digantung bagi suatu tempoh masa sebagaimana difikirkan patut atau dibatalkan atau ditarikbalik, mengikut mana yang berkenaan.

Kuasa mahkamah memerintah untuk melucuthak.

34. Mana-mana benda, vesel atau barang yang diperintah supaya dilucuthakkan di bawah seksyen 33 hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

Perlupusan artikel, vesel atau benda yang diperintah supaya dilucuthak.

35. Di mana dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa mana-mana benda, vesel atau barang yang ditahan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai adalah hal perkara, atau telah digunakan dalam perlakuan, suatu kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu, mahkamah boleh

Mahkamah boleh memerintahkan dilucuthak vesel yang disita dalam keadaan tertentu.

memerintahkan dilucuthak benda, vesel atau benda-benda barang itu walaupun tiada orang telah didapati melakukan kesalahan tersebut.

Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Kelas Satu mempunyai bidang kuasa dan kuasa penuh di bawah Akta, atau undang-undang bertulis yang terpakai.

36. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai hendaklah disifatkan telah dilakukan di Malaysia bagi maksud memberi bidang kuasa kepada mahkamah untuk membicarakan kesalahan itu, dan suatu Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret Kelas Satu hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa penuh setiapnya bagi semua maksud di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis tersebut.

(2) Subseksyen (1) tidaklah boleh ditafsirkan sebagai mengurangkan dengan apa-apa cara daripada bidang kuasa dan kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(3) Apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret Kelas Satu yang berhampiran dengan tempat kesalahan dilakukan, atau yang terletak di tempat pembicaraan yang paling mudah sampai dalam hal keadaan kes, sebagaimana ditetapkan oleh Pendakwa Raya.

(4) Seksyen ini hendaknya tidak menjejaskan peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah berhubung dengan pemindahan kes-kes.

Anggapan mengenai peta, pelan atau carta yang dibuat dengan kuasa Kerajaan.

37. Bagi maksud-maksud Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, mahkamah hendaklah menganggap bahawa peta, pelan atau carta yang berupa sebagai dibuat dengan kuasa dari—

- (a) Kerajaan Persekutuan;
- (b) Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia; atau
- (c) Kerajaan suatu Negara sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 dan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia bagi kegunaan,

telah dibuat demikian dan adalah tepat.

38. (1) Pendakwaan bagi kesalahan tidak boleh dimulakan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai melainkan dengan atau dengan persetujuan Pendakwa Raya:

Pendakwaan terhadap kesalahan.

Dengan syarat bahawa seseorang yang akan dituduh dengan suatu kesalahan boleh ditangkap, atau suatu waran untuk menangkapnya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan dan mana-mana orang yang ditangkap sedemikian boleh ditahan dalam jagaan atau dilepaskan atas jaminan, walaupun persetujuan Pendakwa Raya bagi memulakan pendakwaan belum didapati, tetapi kes ini tidak boleh didakwa selanjutnya sehingga persetujuan telah didapati.

(2) Di mana seseorang dibawa ke hadapan mahkamah di bawah seksyen ini sebelum Pendakwa Raya bersetuju dengan pendakwaan itu, pertuduhan hendaklah dibacakan dan diterangkan kepadanya tetapi dia tidak dikehendaki mengaku terhadapnya, dan peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah hendaklah diubahsuai sewajarnya.

39. Tanpa menjejaskan takrif “pegawai berkuasa” dalam seksyen 2, Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah dalam *Warta*, melantik orang-orang atau golongan orang lain sebagaimana dia fikirkan perlu menjadi pegawai berkuasa atau pegawai-pegawai berkuasa bagi maksud-maksud Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai.

Yang di-Pertuan Agong boleh melantik orang-orang lain menjadi pegawai berkuasa.

40. (1) Jika, oleh sebab apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang melanggar dengan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, kerosakan disebabkan kepada mana-mana orang atau harta dalam atau pada, atau mana-mana bahagian atau unsur dalam alam sekitar, atau kepentingan-kepentingan yang berkaitan dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua, pemunya dan nakhoda vesel, pemunya atau penghuni tempat atas tanah, pemunya dan orang yang bertanggungjawab mengenai pemasangan atau alat, atau pemunya dan juruterbang pesawat udara, mengikut mana yang berkenaan, yang menyebabkan kerosakan, atau pemunya dan nakhoda vesel, pemunya dan penghuni tempat atas tanah, pemunya dan orang yang bertanggungjawab mengenai pemasangan atau alat, atau pemunya dan juruterbang

Kerosakan disebabkan kepada mana-mana orang atau harta atau alam sekitar dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua.

pesawat udara dari mana apa-apa minyak, campuran berminyak atau pencemar telah dilepaskan atau terlepas mengakibatkan kerosakan adalah bertanggung bersesama dan masing-masing atas kerosakan tersebut melainkan jika diperuntukkan selainnya di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis tersebut.

(2) Jika perbuatan atau ketinggalan seseorang selain dari mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) menyebabkan kerosakan, pelepasan atau terlepasnya itu, maka mana-mana orang lain itu adalah juga bertanggung bersesama dan masing-masing dengan orang-orang yang disebut dalam subseksyen itu atas kerosakan itu, melainkan jika selainnya diperuntukkan di bawah Akta ini atau undang-undang lain itu.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) dan (2), liabiliti tersebut hendaklah diperluaskan kepada pembayaran pampasan apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada seseorang, vesel, alat perkakas, kemudahan atau struktur yang digunakan dalam apa-apa aktiviti termasuk menangkap ikan dan aktiviti-aktiviti berkaitan, yang berkaitan dengan perjalanan hak-hak Kerajaan dan rakyat Malaysia, dan mengenai orang-orang lain di mana hak-hak tersebut dijalankan dengan persetujuan Kerajaan, dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua, dan pampasan boleh juga dibayar bagi aktiviti-aktiviti kepolisian dan pengawalan dan aktiviti-aktiviti bagi perlindungan alam sekitar dan kapal yang diperlukan oleh kerosakan yang disebutkan dalam subseksyen (1).

(4) Apa-apa tuntutan pampasan di bawah seksyen ini boleh dibawa di hadapan mana-mana Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret Kelas Satu di Malaysia, mengikut mana yang berkenaan, mengikut nilai atau amaun tuntutan; dan jika tuntutan dibawa sedemikian, mahkamah berkenaan hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa sepenuhnya untuk membicarakan ke atasnya.

BAHAGIAN X

PELBAGAI

Kuasa membuat peraturan.

41. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) peraturan-peraturan tersebut boleh memperuntukkan bagi apa-apa perkara berikut:

- (a) mengawalselia penjelajanan penyelidikan saintifik laut dalam zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua;
- (b) menetapkan langkah-langkah bagi perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar laut zon ekonomi eksklusif, termasuk syarat-syarat yang akan dipatuhi oleh vesel-vesel asing sebelum memasuki mana-mana pelabuhan atau perairan pendalaman Malaysia atau yang melawat mana-mana perhentian luar pantai;
- (c) mengawalselia pembinaan, pengendalian dan penggunaan pulau-pulau buatan dan pemasangan-pemasangan dan struktur-struktur lain dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua, termasuk penubuhan zon-zon keselamatan di sekeliling pulau, pemasangan dan struktur tersebut;
- (d) mengawalselia penjelajahan dan pengeksploitan zon ekonomi eksklusif bagi pengeluaran tenaga dari air, arus dan angin dan bagi maksud-maksud ekonomi lain;
- (e) memperuntukkan apa-apa perkara lain yang perlu atau suaimanfaat bagi menguatkuasakan hak-hak dan bidang kuasa Malaysia ke atas zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua.

42. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah dalam *Warta*, memperuntukkan mana-mana undang-undang bertulis supaya terpakai dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua atau kedua-duanya.

Undang-undang bertulis hendaklah terpakai dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua atau kedua-dua dengan perintah.

(2) Mana-mana perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan undang-undang bertulis tersebut supaya terpakai dengan apa-apa pengubahsuaian atau pengecualian kepadanya sebagaimana difikirkannya perlu dan di mana dia berbuat demikian, undang-undang bertulis tersebut hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya dalam pemakaiannya dalam zon ekonomi eksklusif, pelantar benua atau kedua-duanya.

(3) Pengubahsuaian-pengubahsuaian yang disebutkan dalam subseksyen (2) boleh meliputi pindaan-pindaan kepada undang-undang bertulis tersebut yang Yang di-Pertuan Agong fikirkan perlu—

- (a) untuk menjadikan undang-undang bertulis itu berkesan dalam pemakaiannya dalam zon ekonomi eksklusif, pelantar benua atau kedua-duanya;
- (b) bagi mengelakkan apa-apa percanggahan atau ke takkonsistenan di antara peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis tersebut dan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai; atau
- (c) menyelaraskan peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis itu dengan peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang terpakai.

(4) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat secepat mungkin selepas ianya dibuat, dan jika suatu usul dicadangkan dan dijalankan oleh Dewan tersebut, dalam masa tiga bulan dari tarikh perintah dibentangkan di hadapannya, tidak membenarkan perintah itu, perintah itu hendaklah kemudiannya menjadi tak sah tetapi tanpa menjejaskan keesahan apa-apa jua yang dibuat di bawah perintah itu atau pembuatan apa-apa perintah baharu.

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah membuat peruntukan mengenai zon ekonomi eksklusif dan aspek-aspek tertentu pelantar benua Malaysia dan membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan aktiviti-aktiviti dalam zon dan pelantar benua dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. Bahagian I memperuntukkan bagi perkara-perkara permulaan. *Fasal 1* adalah berkenaan dengan nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa Akta yang dicadangkan. *Sub-fasal (1) fasal 1* menetapkan bahawa Akta yang dicadangkan hendaklah terpakai kepada zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua Malaysia. *Sub-fasal (2)* bertujuan menjelaskan peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan berkenaan dengan pelantar benua adalah sebagai tambahan kepada, dan bukan untuk mengurangkan, peruntukan-peruntukan Akta Pelantar Benua 1966. *Sub-fasal (3)* memperuntukkan di mana berlaku percanggahan atau ke takkonsistenan di

antara peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan dan mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai (sebagaimana ditakrifkan dalam *fasal (2)*, peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan adalah bertujuan menggantikan peruntukan-peruntukan yang bercanggah atau tak konsisten dalam undang-undang bertulis yang terpakai dan bahawa undang-undang yang disebut kemudian hendaklah dikira telah digantikan sedemikian. *Sub-fasal (4)* menyatakan peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai yang tidak bercanggah atau tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan hendaklah kalau tidak kerana ini diteruskan pemakaiannya. *Sub-fasal (5)* memperuntukkan prosedur bagi mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan. *Fasal 2* memperuntukkan takrif beberapa ungkapan.

3. Bahagian II adalah berkenaan dengan zon ekonomi eksklusif. *Sub-fasal (1) fasal 3* menyatakan bahawa zon ekonomi eksklusif Malaysia ialah suatu kawasan yang melampaui dan di sebelah lautan wilayah Malaysia dan meluas sehingga sejauh dua ratus ukuran batu laut daripada garisan asas yang darinya lebar laut wilayah itu diukur. *Sub-fasal (2)* dan *(4)*, walau bagaimanapun memperuntukkan bagi had-had zon untuk diubah menurut undang-undang antarabangsa, amalan Negara atau perjanjian yang sedang berkuatkuasa atas perkara itu di antara Malaysia dengan suatu Negara yang mempunyai pantai yang bertentangan atau sebelah menyebelah. *Fasal 4* menyatakan takat hak-hak kedaulatan Malaysia di, dan bidang kuas ke atas, zon ekonomi eksklusif. Sebagai akibat kepada peruntukan ini, *fasal 5* melarang perjalanan aktiviti-aktiviti tertentu dalam zon atau pelantar benua melainkan diberi kuasa selainnya di bawah Akta yang dicadangkan atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai.

4. Bahagian III adalah berhubungan dengan perikanan amnya. *Fasal 6* dan *7* memperuntukkan bahawa lautan-lautan yang terkandung dalam zon ekonomi eksklusif adalah sebahagian daripada perairan perikanan Malaysia dan Menteri yang bertanggungjawab mengenai perikanan adalah juga bertanggungjawab bagi perikanan dalam zon. *Fasal 8* adalah dicadangkan untuk menjadikan mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan perikanan terpakai dalam zon dengan apa-apa ubahsuaian atau pengecualian yang perlu sebagaimana diperuntukkan dalam perintah yang dibuat di bawah *fasal 42*.

5. Bahagian IV bertujuan membuat peruntukan bagi perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar laut dalam zon ekonomi eksklusif. *Fasal 9* menyatakan hak-hak kedaulatan Malaysia untuk mengeksploit sumber-sumber alamnya dalam zon menurut dasar-dasar alam sekitarnya dan mengikut kewajipannya untuk melindungi dan memelihara alam sekitar laut. *Fasal 10* menjadikan suatu kesalahan berkenaan dengan melepas atau terlepasnya bahan-bahan tertentu ke dalam zon. *Fasal 11* adalah berkenaan pembelaan yang boleh ditimbulkan di mana seseorang itu pertuduh melakukan suatu kesalahan di bawah *fasal 10*. *Fasal 12* menjadikannya mandatori bagi orang-orang tertentu supaya melaporkan kepada Ketua

Pengarah Alam Sekitar mengenai pelepasan atau terlepasnya bahan-bahan tertentu ke dalam zon. *Fasal 13* membolehkan Kerajaan untuk menentukan langkah-langkah yang akan diambil berhubungan dengan zon yang perlu untuk melindungi garis pantai Malaysia atau apa-apa bahagian atau unsur alam sekitar atau kepentingan-kepentingan yang berhubungan dari pencemaran atau ancaman pencemaran berikutan daripada bencana laut atau perbuatan-perbuatan yang berhubungan dengan bencana laut itu, yang boleh dijangkakan dengan munasabahnyanya berlaku akibat-akibat merbahaya yang besar. *Fasal 14* adalah mengenai kuasa Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk mengeluarkan arahan-arahan atau mengambil tindakan yang perlu untuk memindahkan, menyelerakkan, memusnahkan atau memperbaiki kerosakan atau ancaman kerosakan kepada apa-apa bahagian atau unsur alam sekitar di dalam zon. *Fasal 15* memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menahan dan menjual.

6. Bahagian V mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penyelidikan saintifik laut. *Fasal 16* menghendaki persetujuan nyata Kerajaan diperolehi bagi menjalankan penyelidikan saintifik laut dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua. Dalam memberikan persetujuannya, Kerajaan boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana difikirkannya patut. Kerajaan mesti memberi persetujuannya di mana penyelidikan saintifik laut akan dijalankan oleh mana-mana Negara atau pertubuhan antarabangsa yang berkelayakan bagi maksud-maksud keamanan dan bagi menambahkan pengetahuan saintifik mengenai alam sekitar laut. Tetapi melalui *fasal 17*, Kerajaan mempunyai hak untuk enggan memberi persetujuannya dalam hal-hal keadaan yang dinyatakan dalam fasal itu. *Fasal 18* mengenakan kewajipan ke atas mana-mana Negara atau pertubuhan antarabangsa berkelayakan yang bertujuan menjalankan penyelidikan saintifik laut dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua untuk membekalkan maklumat dan *fasal 19* menghendaki tiap-tiap Negara atau pertubuhan antarabangsa yang kompeten supaya mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam fasal itu. *Fasal 20* membolehkan Kerajaan memerintahkan pengurangan atau pemberhentian apa-apa aktiviti penyelidikan saintifik laut yang sedang berjalan dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua di mana syarat-syarat yang dinyatakan dalam fasal itu tidak ditunaikan.

7. Bahagian VI adalah berhubungan dengan pulau, pepasangan dan struktur buatan. *Fasal 21* melarang pembinaan, penjalanan atau penggunaannya kecuali dengan kebenaran Kerajaan dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan olehnya. Fasal ini juga memberi kepada Kerajaan bidang kuasa eksklusif ke atas pulau, pepasangan dan struktur dalam zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua, termasuk bidang kuasa mengenai kastam, fiskal, kesihatan, keselamatan dan undang-undang imigrasi. Kerajaan adalah selanjutnya diberi kuasa untuk menubuhkan zon-zon keselamatan yang munasabah dikelilingi pulau, pepasangan dan struktur dan ia boleh mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan keselamatan kedua-dua navigasi dan mengenai pulau, pepasangan dan struktur buatan. Bidang zon-zon keselamatan hendaklah ditetapkan oleh Kerajaan dan

kewajipan adalah dikenakan ke atas semua vesel untuk menghormati zon-zon keselamatan dan mematuhi apa-apa arahan berkenaan yang diberikan oleh Kerajaan.

8. Bahagian VII membentangkan peruntukan-peruntukan mengenai kabel-kabel bawah tanah dan talian paip. *Fasal 22* menetapkan bahawa tiada seorang pun boleh memasang kabel-kabel bawah tanah atau talian paip dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua tanpa persetujuan Kerajaan mengenai penandaan arah bagi memasang kabel-kabel dan talian paip itu. *Fasal* ini juga membolehkan Kerajaan untuk mengenakan syarat-syarat tertentu sebagaimana difikirkannya perlu. *Fasal 23* mengenakan kewajipan ke atas pemunya kabel bawah tanah atau talian paip yang telah menjadi tak berguna atau yang tidak boleh diperbaiki untuk memaklumkan Kerajaan mengenai hal itu dan mengalihkan kabel atau talian paip jika diarahkan demikian.

9. Bahagian VIII membentangkan peruntukan-peruntukan mengenai penguatkuasaan Akta yang dicadangkan dan mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai. Bahagian ini adalah mengenai kuasa-kuasa pegawai yang berkuasa (*fasal 24*), kejar baru (*fasal 25*), penangkapan (*fasal 26*), pengendalian vesel yang ditahan di bawah Bahagian ini dan krunya (*fasal 27*) dan menghalang pegawai berkuasa dalam menjalankan kuasa-kuasanya dan perkara-perkara yang berkaitan.

10. Bahagian IX mengenai kesalahan-kesalahan, penalti, prosiding undang-undang dan pampasan. *Fasal 29* mengadakan penalti am bagi denda tidak melebihi satu juta ringgit bagi kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan yang baginya tiada hukuman diperuntukkan dengan tertentu. *Fasal 30* memperuntukkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh syarikat, pekongsian, firma atau perniagaan sementara *fasal 31* menjadikan nakhoda vesel juga bersalah mengenai suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan atau mana-mana undang-undang yang terpakai di mana kesalahan tersebut dilakukan oleh mana-mana orang atas vesel. *Fasal 32* menetapkan bagaimana benda, vesel atau barang yang ditahan di bawah Akta yang dicadangkan atau mana-mana undang-undang bertulis boleh diuruskan. *Fasal 33* memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan perlucuthakan apa-apa benda, vesel atau barang dan untuk menggantung atau membatalkan atau menarik balik lesen atau permit yang dikeluarkan atau persetujuan yang diberi di bawah Akta yang dicadangkan atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai. *Fasal 34* memperuntukkan bahawa apa-apa benda, vesel atau barang yang diperintah supaya dilucuthakan di bawah *fasal 33* hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana diarahkan oleh mahkamah sementara *fasal 35* membolehkan mahkamah memerintahkan mana-mana benda, vesel atau barang yang ditahan di bawah Akta yang dicadangkan atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai walaupun tiada seorang pun telah didapati melakukan suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan atau undang-undang bertulis tersebut. *Fasal 36* memperuntukkan pembicaraan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta yang dicadangkan atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai. Di bawah *fasal 37* suatu anggapan boleh dibuat bahawa

peta, pelan atau carta yang berupa sebagai dibuat dengan kuasa Kerajaan-Kerajaan tertentu telah dibuat sedemikian dan adalah tepat. *Fasal 38* adalah mengenai pendakwaan kesalahan-kesalahan sementara *fasal 39* memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk meluaskan takrif "pegawai berkuasa" dalam *fasal 2* melalui perintah dalam *Warta* supaya meliputi orang atau golongan orang lain dalam kategori pegawai berkuasa. *Fasal 40* adalah berkenaan dengan kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana orang atau harta atau mana-mana bahagian atau unsur alam sekitar dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua dan selanjutnya menyatakan orang-orang yang bertanggung atas kerosakan tersebut.

11. Bahagian X mengandungi peruntukan-peruntukan pelbagai. *Fasal 41* memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan. Melalui *fasal 42*, Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah dalam *Warta* memperuntukkan apa-apa undang-undang bertulis yang boleh dipakai dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua atau kedua-duanya. Perintah sedemikian mungkin tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian atau pengecualian sebagaimana difikirkan perlu dan boleh meliputi pindaan kepada undang-undang bertulis itu. Maksud peruntukan ini ialah meluaskan penguatkuasaan undang-undang bertulis tertentu dalam zon eksklusif atau pelantar benua atau kedua-duanya supaya menjadikannya lebih berkesan dalam perjalanan hak-hak kedaulatan dan bidang kuasa dalam zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua.

12. Peruntukan-peruntukan lain Rang Undang-Undang ini yang tidak disebutkan dengan khusus adalah berbangkit atau kurang penting atau selainnya memperluaskan peruntukan-peruntukan yang dirujuk.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1097.]